



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 66

15hb Julai 2022

TAMBAHAN
No. 1

No. 17007.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (TAKRIF DAN MAKNA) 2021

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [*P.U. (A) 448/2010*], Canselor membuat Statut yang berikut:

Nama

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Putra Malaysia (Takrif dan Makna) 2021.

Takrif dan Makna

2. Perkataan dan ungkapan berikut yang dinyatakan dalam apa-apa dokumen Universiti hendaklah mempunyai takrif dan makna berikut melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akademi” atau “Institut” ertinya entiti akademik utama dan merupakan Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 24 Perlembagaan dan hendaklah menjalankan penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan untuk kecemerlangan keilmuan dalam satu atau pelbagai bidang ilmu sebagaimana yang ditentukan oleh Senat dan tidak boleh melahirkan graduan dalam apa-apa program pengajian;

“Akademik” ertinya hal ehwal yang berkaitan dengan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan keserjanaan;

“Bahagian” ertinya sub entiti pentadbiran atau perkhidmatan dalam Pejabat dan Pusat yang ditubuhkan oleh Universiti dan hendaklah mempunyai fungsi sepertimana yang ditentukan oleh Pejabat dan Pusat;

“Dekan” ertinya ketua bagi sesuatu Fakulti atau Sekolah yang dilantik oleh Naib Canselor mengikut subseksyen 24(4) Perlembagaan;

“Fakulti atau Sekolah” ertinya entiti akademik utama dan merupakan Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah seksyen 24 Perlembagaan yang menjalankan pengajaran bagi program-program sijil, diploma, ijazah atau apa-apa kelayakan akademik lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Senat untuk melahirkan graduan dalam apa-apa program pengajian serta menjalankan penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan untuk kecemerlangan keilmuan dan profesionalisme dan ianya bukanlah sebahagian daripada Akademi atau Institut;

“Hal Ehwal Pelajar” ertinya hal ehwal yang berkaitan kebajikan, kesejahteraan, sahsiah dan tatatertib pelajar;

“ijazah” ertinya ijazah bachelo, sarjana atau kedoktoran yang dianugerahkan oleh Senat dan termasuklah ijazah kehormat;

“Jabatan” ertinya entiti akademik yang ditubuhkan di bawah Fakulti dan hendaklah mempunyai fungsi sepertimana yang ditentukan oleh Fakulti;

“Ketua Pentadbiran” ertinya ketua pentadbiran yang bertanggungjawab membuat kerja-kerja mengurus dan mengawal perkara-perkara berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan harian entiti pentadbiran utama di Universiti;

“Kolej Kediaman” ertinya mana mana tempat tinggal, dengan apa-apa jua nama yang dipanggil, yang disediakan oleh Universiti bagi kediaman pelajar;

“Laboratori” ertinya entiti penyelidikan di bawah Akademi atau Institut dan hendaklah mempunyai fungsi sebagaimana yang ditentukan oleh sesuatu Akademi atau Institut;

“Pegawai Akademik” ertinya guru mengikut makna yang diberi di bawah Perlembagaan Universiti;

“Pegawai Bukan Akademik” ertinya pekerja Universiti mengikut makna yang diberi di bawah Perlembagaan Universiti tetapi hendaklah tidak termasuk guru;

“Pejabat” ertinya entiti pentadbiran utama di Universiti yang hendaklah menjalankan fungsi-fungsinya sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti;

“Pengarah” ertinya ketua sesuatu Pusat, Akademi atau Institut, atau mana-mana entiti pejabat utama pentadbiran, dengan gelaran apa jua disebut, yang dilantik oleh Naib Canselor;

“Pengetua” ertinya ketua bagi sesuatu Kolej Kediaman yang dilantik oleh Naib Canselor;

“Pusat” ertinya entiti perkhidmatan yang ditubuhkan oleh Universiti dan hendaklah menjalankan fungsi perkhidmatan sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan hendaklah tidak menjadi sebahagian daripada Fakulti, Sekolah, Akademi atau Institut;

“Pusat Kecemerlangan” ertinya entiti di Universiti yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, perundingan, pengkomersialan hasil dan dapatan penyelidikan dan aktiviti lain yang ditentukan oleh Universiti;

“Seksyen” ertinya suatu sub entiti di bawah sesuatu Pejabat, Pusat atau Bahagian yang ditubuhkan oleh Universiti dan hendaklah mempunyai fungsi sebagaimana yang ditentukan oleh Pejabat atau Pusat atau Bahagian yang berkenaan; dan

“Unit” ertinya suatu sub entiti kecil yang ditubuhkan di bawah sesuatu entiti pentadbiran, akademik atau perkhidmatan dan hendaklah mempunyai fungsi sebagaimana yang ditentukan oleh entiti berkenaan.

Dibuat pada 14 Disember 2021

Petikan minit LPU 161/12

[UPM/PPUU/600-1/3/12(Takrif dan Makna)]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI
ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
Canselor
Universiti Putra Malaysia

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (DEFINITION AND MEANING) STATUTE 2021

In exercise of the powers conferred under subsection 35(1) of the Constitution of the Universiti Putra Malaysia [*P.U. (A) 448/2010*], the Chancellor makes the following Statute:

Citation

1. This Statute may be cited as the Universiti Putra Malaysia (Definition and Meaning) Statute 2021.

Definition and Meaning

2. The following words and phrases which are mentioned in any University's document shall have the following definition and meaning—

“Academy” or “Institute” means a main academic entity and is a University Authority established under section 24 of the Constitution and shall conduct research, consultation and services for the knowledge excellence in one or more branch of knowledge as determined by the Senate and shall not produce graduate in any program of studies;

“Academic” means affairs relating to teaching, learning, research, consultation and scholarships;

“Division” means sub entity of administration within an Office and Centre established by the University and shall have the function as determined by the Office and Centre;

“Dean” means the head of a Faculty or School appointed by the Vice Chancellor under section 24 of the Constitution;

“Faculty or School” means a main academic entity and is a University Authority established under section 24 of the Constitution to conduct teaching for certificate, diploma, degree programmes or any other academic qualifications as determined by the Senate to produce graduate in any programme of studies and also to conduct research, consultation and services for knowledge excellence and professionalisme and is not part of an Academy or Institute;

“Student Affairs” means affairs relating to welfare, wellbeing, personality and discipline of student;

“degree” means a bachelor's, master's or doctoral degree awarded by the Senate and includes an honorary degree;

“Department” means academic entity established under Faculty and shall have the function as determined by the Faculty;

“Head of Administration” means the head of administration who is responsible for managing and controlling matters relating to the administration and day-to-day management of the main administration entities at the University;

“Residential College” means any place of accommodation by whatever name called provided by the University for the residence of student;

“Laboratory” means a research entity under the Academy or Institute and shall have the function as determined by the Academy or Institute;

“Academic Officer” means teacher as defined under the Constitution of the University;

“Non Academic Officer” means employee of the University as defined under the Constitution of the University but shall not include teacher;

“Office” means main administration entity in the University and shall perform its functions as determined by the Board and the Management Committee of the University;

“Director” means a head of a Centre, an Academy or an Institute, or any main office of the administration entity, by whatever name called, appointed by the Vice Chancellor;

“Pengetua” means a head of Residential College appointed by the Vice Chancellor;

“Centre” means service entity established by the University and shall perform the services as determined by the Management Committee of the University and shall not be part of an Faculty, School, Academy, or Institute;

“Centre of Excellence” means an entity in the University which conduct research and development activities, commercialization of innovation and other activities as determined by the University;

“Section” means a sub entity under an Office, Centre or Division established by the University and shall have the functions as determined by the respective Office, Centre or Division; and

“Unit” means a sub entity established under an administrative, academic or service entity and shall have the functions as determined by the respective entity.

Made 14 December 2021

LPU Minutes of Meeting: LPU 161/12

[UPM/PPUU/600-1/3/12(Takrif dan Makna)]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI
ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
Chancellor
Universiti Putra Malaysia

